

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18 March 2016

Dr. Mahathir dilucut jawatan Penaung Mubarak

um-18/3/2016

KUALA LUMPUR 17 Mac - Jawatan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Penaung Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) terlucut sertamerta setelah beliau keluar daripada UMNO pada 1 Mac lalu.

Presiden Mubarak, Tan Sri Abdul Aziz Rahman berkata, secara logiknya jawatan Dr. Mahathir sebagai penaung akan terlucut kerana beliau tidak lagi menjadi ahli UMNO dan pihaknya berharap beliau maklum mengenai perkara itu.

“Beliau secara jelas telah lari daripada matlamat dan objektif penubuhan Mubarak iaitu bertindak sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menyokong kerajaan.



ABDUL AZIZ RAHMAN

“Apabila Dr. Mahathir keluar kali kedua daripada UMNO, bertemu pula dengan parti lawan yang menentang Barisan Nasional (BN) jadi kita buat keputusan untuk mengucapkan ‘terima kasih’ kepada beliau,” katanya dalam sidang akhbar selepas majlis Menandatangani Kenyataan Bersama Mubarak dengan 43 NGO Malaysia Menentang Gerakan Kumpulan Menggulingkan Kerajaan, di sini hari ini.

Antara NGO yang hadir termasuklah Veteran UMNO Malaysia, Gerakan Belia 4B, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Persatuan Bekas Polis Malaysia, Persatuan Kontraktor Melayu Ma-

laysia, Majlis Salam Sahabat Semalaysia dan Badan Bertindak dan Penyelaras NGO Islam.

Mengulas lanjut, Abdul Aziz berkata, sebagai sebuah negara yang mengamalkan konsep demokrasi, Dr. Mahathir perlu sedar bahawa tindakannya bersekongkol dengan Penasihat DAP, Lim Kit Siang jelas bertentangan dengan konsep yang diamalkan oleh negara ini.

“Rancangan kumpulan itu untuk mengadakan *roadshow* di seluruh negara adalah untuk menghasut rakyat supaya menentang kerajaan melalui kaedah *Arab Spring* yang berkesudahan dengan suasana huru-hara seperti yang dialami beberapa buah negara di Asia Barat.

“Oleh itu kita berharap Dr. Mahathir tunggu sehingga Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), tidak lama dua tahun sahaja lagi,” ujarnya.